



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TEMA TENTANG WANITA DALAM KAJIAN PERBANDINGAN TEMATIK

NORFADILLA BINTI WAGIMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbandingan tema tentang wanita dalam dua buah novel pilihan iaitu novel *Hikayat Faridah Hanom* (seterusnya HFH) yang dihasilkan pada tahun 1925 oleh Syed Syeikh al-Hadi dan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (seterusnya TKVDW) pada tahun 1937 oleh HAMKA. Kedua, menganalisis persamaan dan perbezaan watak serta perwatakan utama wanitanya dalam dua buah teks bandingan dengan menggunakan pendekatan tematik. Kajian ini akan menyentuh tentang tema wanita dengan menggunakan teori perbandingan tematik oleh Sante Beuve pada tahun 1868. Reka bentuk penyelidikan kualitatif dipilih untuk menjawab soalan kajian melalui kaedah kajian teks analisis perbandingan tematik dan Kajian kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa persamaan ketara tentang tema wanita dalam kedua-dua novel bandingan yang telah dipilih pada zaman sebelum merdeka di Malaysia dan Indonesia yang dihasilkan oleh Syed Syeikh al-Hadi dan HAMKA. Aspek persamaan tersebut dapat dilihat melalui kebebasan wanita memilih pasangan hidup, surat-menyurat sebagai medium perhubungan, hubungan cinta tidak kesampaian, kegagalan dalam perkahwinan paksa dan kuasa bapa dalam menentukan jodoh anak perempuan. Namun, terdapat dapatan perbezaan melalui aspek cinta sejati berakhir dengan perkahwinan dan pegangan adat yang kukuh. Kesimpulannya, keserasian antara Syed Syeikh al-Hadi dan HAMKA dalam menulis novel ini adalah mereka berjaya menaikkan martabat kaum wanita dan memberi kesan positif pada masa kini supaya wanita mampu berdaya saing sebaris dengan kaum lelaki supaya tidak dipandang rendah oleh masyarakat. Selain itu, kedua-dua pengarang turut menggunakan medium penulisan novel untuk menyampaikan ilmunya kepada masyarakat terutama kepada para pembaca.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

THE STUDY OF WOMEN'S THEME IN THEMATIC COMPARISONS APPROACH

ABSTRACT

The purpose of this research is to analyse the theme differences between two main women characters in two chosen novels which are Hikayat Faridah Hanom which was written by Syed Sheikh al-Hadi in the year 1925 and Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck by HAMKA in 1937. The research objective was to analyse the similarities and differences in the main women lead characters from both novels using thematic approach. This research discussed the theme on women, using thematic approach by Sante Beuve. Qualitative approach was used to answer the research questions through the method of text analysis of thematic comparison approach and literature study. The results showed that there are several similarities in the theme regarding the women from both novels chosen in which both novels are from the era before the independence of Malaysia and Indonesia. The similarities can be seen from the aspects such as women's freedom to choose their partners, the use of letters as a medium to communicate, unsanctioned love, failure in forced marriage, and father's authority to determine the daughter's companion. However, there are differences in terms of true love which usually ended with marriage. In conclusion, literary differences in Malaysia and Indonesia shows many similarities from the comparison of the research between both novels especially in women as main characters. The both authors succeeded in improving the dignity of women through their writing and implying positive impact towards women to be independent and be as competitive as men so that societies will not look down upon them.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi



BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	13
1.3	Permasalah Kajian	21
1.4	Objektif kajian	24
1.5	Soalan Kajian	24
1.6	Kepentingan Kajian	25
1.7	Batasan Kajian	25
1.8	Definisi Konseptual	26
1.8.1	Tema Wanita	26
1.8.2	Perbandingan	28





1.8.3	Tematik	29
1.8.4	Emansipasi	30
1.9	Kesimpulan	31
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	32
2.1	Pengenalan	32
2.2	Kajian di dalam Negara	33
2.3	Kajian Luar Negara	48
2.4	Kesimpulan	51
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	52
3.1	Pengenalan	52
3.2	Kaedah Kajian	53
3.2.1	Kajian Teks Analisis Perbandingan Tematik	53
3.2.2	Kajian Kepustakaan	53
3.3	Pendekatan Tematik dalam Kajian Bandingan	55
3.4	Kerangka Kajian	67
3.5	Prinsip Tematik Kajian Bandingan	70
3.6	Kesimpulan	71
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	73
4.1	Pengenalan	73
4.2	Tema Wanita dalam Novel HFH	74
4.3	Tema Wanita dalam Novel TKVDW	77
4.4	Persamaan Watak Utama Wanita dalam Novel HFH dan TKVDW	78
4.4.1	Kebebasan Wanita Memilih Pasangan Hidup	78
4.4.2	Surat-menjurat Sebagai Medium Perhubungan	84





4.4.3 Hubungan Cinta Tidak Kesampaian	87
4.4.4 Kegagalan dalam Perkahwinan Paksa	90
4.4.5 Kuasa Bapa dalam Menentukan Jodoh Anak Perempuan	94
4.5 Perbezaan Watak Utama Wanita dalam Novel HFH dan TKVDW	98
4.5.1 Cinta Sejati Berakhir dengan Perkahwinan	98
4.5.2 Pegangan Adat yang Kukuh	102
4.6 Tema Wanita dalam Novel Sebelum Merdeka di Malaysia dan Indonesia	105
4.6.1 Gaya Penulisan dan Tema	107
4.6.2 Teknik Kajian Gender	113
4.7 Kesimpulan	
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN	121
5.1 Pengenalan	121
5.2 Perbincangan Peranan Wanita dalam Pendidikan Masa Kini	123
5.3 Rumusan	123
5.4 Cadangan	128
5.5 Kesimpulan	134
RUJUKAN	136
LAMPIRAN	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Kebebasan Wanita Memilih Pasangan Hidup	78
4.2 Surat-menyurat Sebagai Medium Perhubungan	84
4.3 Hubungan Cinta Tidak Kesampaian	87
4.4 Kegagalan dalam Perkahwinan Paksa	90
4.5 Kuasa Bapa dalam Menentukan Jodoh Anak Perempuan	95
4.6 Cinta Sejati Berakhir dengan Perkahwinan	99
4.7 Pegangan Adat yang Kukuh	102
4.8 Tema Utama dalam Novel Sebelum Merdeka di Malaysia dan Indonesia	110



05-4506832



Pegangan Adat yang Kukuh

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
X

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	67
3.2 Prinsip Tematik Kajian Bandingan	70



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xi

SENARAI SINGKATAN

HFH	<i>Hikayat Faridah Hanom</i>
JKIP	<i>Jurnal Keguruan dan Ilmu Pendidikan</i>
KB	Kesusasteraan Bandingan
KCB	<i>Ketika Cinta Bertasbih</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
TKVDW	<i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>



05-4506832



pusta

United Malays National Organisation



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xii

SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
- D Halaman Penghargaan
- E Halaman Abstrak
- F Halaman *Abstract*
- G Halaman Kandungan
- H Halaman Senarai Jadual
- I Halaman Senarai Rajah
- J Halaman Senarai Singkatan



05-4506832



pusta

Halaman Senarai Jadual



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832

**1.1 Pengenalan**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sebuah novel yang dihasilkan menjadi satu wadah utama dalam menyampaikan maksud, hasrat dan impian seseorang pengarang kepada pembacanya. Setiap pengarang mempunyai cara dan gaya tersendiri dalam membina dan membentuk ikon masing-masing. Ikon boleh dikenal pasti dengan melihat kepada kemiripan antara watak dan ciri-ciri yang hendak diterapkan (Salinah Jaafar & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2010:1). Terdapat banyak pembicaraan tentang wanita yang sering mendapat perhatian dalam dunia sastera, sama ada wanita sebagai bahan penceritaan, subjek kritikan atau penghasilan karya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Tema kewanitaan sebagai suatu tema dalam sesebuah karya kreatif menjadi pilihan tema yang menarik bukan sahaja kepada penulis wanita bahkan penulis lelaki. Dalam sesebuah penulisan novel, pengarang akan cuba menggambarkan dan menggarap watak-watak wanitanya supaya pembaca dapat merasai sendiri watak serta perwatakan yang cuba ditonjolkan oleh seseorang pengarang.

Pemilihan tema wanita dalam penghasilan karya kreatif oleh seseorang pengarang dapat dilihat dalam konteks tahun karya tersebut dihasilkan. Ia dapat dikaitkan dengan diri pengarang itu sendiri dalam kepengarangannya. Contoh yang dapat dilihat adalah tentang tema wanita dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi. Kemunculan novel ini telah melakarkan sejarah nasionalisme, kebangkitan dan seterusnya perjuangan *United Malays National Organisation* (UMNO) sehingga tercapainya kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.



Walaupun novel ini dikatakan banyak memanfaatkan sejarah dan bertunjangkan sejarah tetapi ia melihatkan keterlibatan dan peranan kaum wanita dalam pergolakan dan perjuangan politik tanah air. Peranan ini selama ini dibayangi oleh kaum lelaki tetapi novel ini cuba mengetengahkan peranan kaum wanita. Novel ini juga memperlihatkan persoalan kesedaran dan pengetahuan politik di kalangan kaum wanita (Zalila Sharif, 2003:153-154).





Melalui novel *Anugerah*, ia diperlihatkan melalui watak Ramlah dan sahabat karibnya iaitu Mariam, betapa wanita secara sedar berbincang, bersusah payah mencari maklumat terkini tentang perkembangan politik dewasa itu dan bukan sekadar membaca sebuah akhbar tetapi beberapa buah akhbar supaya mendapat maklumat dari pelbagai sumber dan seterusnya membuat kesimpulan yang adil dan objektif.

Novel ini juga memperlihatkan kesan-kesan kehadiran wanita dalam politik itu. Yang jelas, *Anugerah* memperlihatkan peranan wanita dalam perjuangan politik diiktiraf bukan sahaja oleh golongan kebanyakan, tetapi oleh pucuk pimpinan mereka sendiri. Ini dapat dilihat pada watak Khadijah Sidek yang pengaruhnya dianggap lebih kuat dan meluas daripada pemimpin lelaki.



Novel *Anugerah* dalam konteks kepengarangan Zaharah Nawawi menawarkan satu kelainan. Novel ini mengajukan watak wanita sebagai watak utama dan berusaha meluaskan cakerawala pembabitan dan perjuangan wanita. Contohnya, perjuangan Ramlah dalam konteksnya selaku ‘pemimpin’ kecil di Johor Bahru sama-sama membantu membebaskan negara daripada belenggu penjajahan.

Oleh sebab itu, *Anugerah* mengorak langkah menawarkan tentang kemampuan wanita dalam konteks perjuangan. Zaharah telah berjaya menampilkan watak Ramlah selaku wanita Melayu baharu produk zaman bergolak 1940-an dan 1950-an (Zalila Sharif, 2003:155).





Telah diketahui bahawa kemunculan penulis wanita dalam bidang novel telah dikesan pada tahun 1940-an. Pada tahun 1940-an telah tampil dua orang penulis wanita yang mula menceburkan diri dalam bidang penulisan novel, iaitu Rafiah Yusuf yang mencipta novel *Cerita Budiman* pada tahun 1941 dan A. Kamariah dengan novelnya yang bertajuk *Dua Pengembala* pada tahun yang sama (Masrizayu Mustafa, 2006:1).

Penulis wanita muncul lebih lewat daripada penulis lelaki kerana faktor sosial seperti pendidikan yang membataskan wanita untuk mereka berkarya. Tetapi, setelah kelahiran novel-novel awal tersebut, ia secara tidak langsung telah merintis kepada kelahiran penulis-penulis wanita lain yang memaparkan pelbagai aspek tema dan persoalan yang kebanyakannya mengenai wanita.



Kebanyakan penulis wanita lebih suka memilih tema yang berhubung kait dengan diri mereka seperti permasalahan berkaitan rumah tangga dan keluarga. Selain itu, mereka juga memberikan gambaran positif berkaitan kedudukan kaum wanita dalam karya-karya mereka dengan harapan ia dapat memberikan impak serta kesan kepada pembaca untuk mencontohi watak-watak wanita positif yang digambarkan dalam karya mereka. Ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan imej wanita di mata masyarakat khususnya.





Di Malaysia, pada dekad 1960-an telah memperlihatkan kemunculan beberapa penulis wanita antaranya ialah Salmi Manja yang telah menghasilkan dua buah novel iaitu *Hari Mana Bulan Mana* pada tahun 1960 yang menggambarkan tema wanita progresif, sedar akan diri dan memperjuangkan gendernya serta penghasilan novel *Dari Mana Punai Melayang* pada tahun 1961. Selain itu, terdapat juga penulis Hamidah Hassan yang menghasilkan novel *Meniti Pelangi* pada tahun 1964, Adibah Amin dengan *Seroja Masih Di Kolam* pada 1968 dan *Badai Semalam* pada tahun 1968 oleh Khadijah Hashim.

Selain itu, tidak kurang juga hebatnya dengan karya-karya kreatif yang dihasilkan oleh negara serumpun Malaysia iaitu Indonesia yang akan menjadi perbandingan dalam penulisan ini. Di Indonesia, sastera telah dijadikan sebagai satu



tanda atau lambang pembentukan citra wanita Indonesia dalam karya kreatif yang dihasilkan. Contohnya, terdapat gambaran sosial yang menggambarkan aspek peranan dan kedudukan wanita dalam kesusteraan adalah bukan pada taraf yang rendah. Ini kerana kedudukan serta kepentingan peranan wanita dalam sesebuah novel memainkan peranan yang sangat penting.

Antara penulis wanita Indonesia yang terkenal ialah Nurhayati Dini atau lebih dikenali sebagai Nh. Dini. Beliau pernah menerima penghargaan SEA Write Award dan menerima gelaran pengarang sastera feminis. Antara karyanya yang terkenal ialah *Pada Sebuah Kapal* pada tahun 1972, *La Barka* pada tahun 1975, dan *Pertemuan Dua Hati* pada tahun 1986.





Beliau digelar pengarang sastera feminis kerana beliau berasa marah jika mendapati berlakunya ketidakadilan yang melibatkan ketidakadilan gender yang sering kali merugikan kaum wanita. Melalui karyanya iaitu *Dari Parangakik ke Kamboja* tahun 2003, beliau telah mengangkat kisah tentang perilaku seorang suami terhadap isterinya.

Selain itu, antara penulis wanita Indonesia juga turut terkenal ialah Marga T dan Mira W. Marga T dikenali melalui novel *Karmila* pada tahun 1971. Manakala, Mira Widjaja atau Mira W dikenali melalui novelnya yang paling terkenal iaitu *Di Sini Cinta Pertama Kali Bersemi* pada tahun 1980. Kedua-dua penulis ini menonjol dalam karya-karya mereka yang romantis dan menjadikan watak utama dalam novel mereka adalah wanita.



Sesebuah novel yang dihasilkan adalah gambaran realiti sebenar yang berlaku dalam masyarakat setempat. Contohnya, situasi seperti politik, ekonomi dan sosial yang berlaku dalam masyarakat digarap kembali oleh pengarang ke dalam bentuk karya-karya kreatif. Novel-novel yang dihasilkan di Malaysia dan Indonesia sebelum merdeka, jelas telah memaparkan tema serta persoalan yang sangat berkait rapat dengan masyarakat sebelum merdeka. Tema-tema yang telah digarap oleh pengarang-pengarang ketika itu termasuklah muda-mudi dan percintaan, kahwin paksa, emansipasi wanita serta kebebasan sosial (Rosnah Baharuddin, 2007:31).





Menerusi penelitian yang dilakukan, novel-novel Malaysia dan Indonesia sebelum merdeka banyak memperlihatkan pengaruh-pengaruh kesusasteraan tradisi serta penonjolan ciri-ciri moden yang besar terutamanya dari aspek intrinsik. Kebanyakan novel ketika ini masih lagi terpengaruh dengan teknik penceritaan sastera Melayu tradisional atau sastera hikayat meliputi aspek pengolahan, tema, watak, latar dan sudut pandang. Ini kerana, ia lebih bersifat realisme formal berdasarkan realiti.

Penghasilan novel Melayu pada awal dekad tahun 1920-an dimulakan dengan penghasilan karya-karya prosa tradisional seperti cerita lipur lara atau hikayat. Di Malaysia, novel pertama yang telah dipersetujui oleh para sarjana sastera sebagai novel pertama yang muncul dalam sastera moden Malaysia ialah novel *Hikayat Faridah Hanom* pada tahun 1925. Novel tersebut telah dihasilkan oleh Syed Syeikh



Telah menjadi kebiasaan dalam kalangan pengarang sebelum merdeka untuk menampilkan watak-watak yang moden dan bebas dalam karya-karya mereka. Contohnya, watak-watak ini memberontak terhadap adat dan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat atau mereka jatuh cinta seperti watak Faridah Hanom dengan Shafik Affandi.





Faktor kemasukan penjajah luar terhadap negara Malaysia dan Indonesia sebelum merdeka telah banyak mempengaruhi pengarang dalam menghasilkan karya mereka. Selepas kedatangan penjajah, konteks pengarang dalam menghasilkan karya juga telah turut berubah. Persamaan antara Malaysia dan Indonesia berlaku kerana masyarakat negara-negara tersebut datang daripada satu rumpun dan masing-masing mempunyai pengalaman penjajahan kuasa Barat.

Kesemua novel yang dihasilkan hampir terlihat mempunyai plot atau jalan cerita yang bersifat kronologi iaitu dapat dibahagikan kepada permulaan, pertengahan dan pengakhiran. Perkara yang sama turut berlaku dalam penulisan novel awal Indonesia sebelum merdeka. Contohnya, novel *Hikayat Faridah Hanom* di Malaysia dengan novel *Siti Nurbaya* yang merupakan antara novel terawal di Indonesia yang turut sama-sama memaparkan plot cerita yang bergerak secara kronologi (Rosnah Baharuddin, 2007:51).

Novel *Faridah Hanom* menceritakan kisah percintaan dua orang anak muda yang berketurunan bangsawan iaitu Faridah Hanom dan Shafik Affandi. Bertitik-tolak daripada tema percintaan muda-mudi tersebut, penulis Malaysia telah mengangkat beberapa persoalan yang muncul daripada tema novel tersebut iaitu kahwin paksa dan emansipasi wanita. Dapat dilihat bahawa fenomena kahwin paksa terlihat dalam *Hikayat Faridah Hanom* di mana Faridah Hanom yang bercinta dengan Shafik Affandi telah dipaksa untuk berkahwin dengan Badaruddin Affandi.





Watak Faridah Hanom telah menyuarakan kepentingan anak-anak perempuan untuk dihantar ke sekolah untuk menjadi seorang wanita yang berpendidikan dan ruang sosial mereka akan menjadi bertambah luas. Melalui watak ini, Faridah Hanom telah memperjuangkan haknya terhadap soal pemilihan jodoh melalui perantaraan institusi mahkamah.

Ini menunjukkan bahawa tema yang menjadi pilihan sebahagian besar novelis sebelum merdeka ialah tema emansipasi wanita. Selain itu, tema yang turut menjadi pilihan para pengarang antaranya ialah tema pertembungan budaya, tema ekonomi dan pembangunan masyarakat Melayu. Penelitian terhadap novel-novel Indonesia sebelum merdeka, memperlihatkan terdapatnya persamaan yang amat ketara dari aspek tema dan persoalan dengan novel-novel yang dihasilkan di Malaysia sebelum merdeka (Rosnah Baharuddin, 2007:36).



Penulis-penulis Indonesia banyak menggarap tema dan persoalan emansipasi wanita, percintaan muda-mudi, pembangunan serta nasionalisme. Tema utama yang banyak diangkat dalam novel-novel Indonesia sebelum merdeka ialah bertemakan percintaan. Novel Indonesia yang mempunyai persamaan tema dengan novel Malaysia iaitu *Hikayat Faridah Hanom* ialah novel *Siti Nurbaya* oleh Marah Rusli. Novel ini mengisahkan percintaan antara Siti Nurbaya dengan Samsulbahri dan percintaan mereka menghadapi rintangan iaitu berhadapan dengan situasi kahwin paksa.





Situasi kahwin paksa yang banyak diutarakan oleh pengarang kebanyakannya adalah bersifat material. Ia dapat dilihat seperti yang berlaku kepada Siti Nurbaya yang dipaksa berkahwin atas faktor kewangan yang bertujuan untuk menyelamatkan ayahnya yang telah diperangkap oleh Datuk Meringgih tetapi dalam masa yang sama dia sangat mencintai Samsulbahri. Tema utama yang melatari novel *Hikayat Faridah Hanom* dan novel *Siti Nurbaya* mempunyai persamaan iaitu bertemakan percintaan (Rosnah Baharuddin, 2007:37).

Aspek persamaan atau perbezaan yang boleh dikaji antara dua buah novel antara dua buah negara dapat dilihat dengan melakukan kajian bandingan (KB). Sebagai sebuah cabang disiplin pengetahuan *humanities*, kepentingan KB terletak pada hubungan rapatnya dengan manusia dan kemanusiaan. Objektif KB ialah disiplin



ini dapat merintis jalan ke arah persefahaman dan hubungan rapat antara negara asing melalui kesusteraan.

KB merupakan sebuah kajian sastera di luar batasan sesebuah negara dan kajian tentang hubungan di antara sastera dengan bidang ilmu serta kepercayaan yang lain seperti seni, falsafah, sejarah, sains sosial, sains, agama dan lain-lain. Kajian ini membandingkan sastera sesebuah negara dengan sastera negara lain serta membandingkan sastera dengan bidang lain untuk mengungkap keseluruhan kehidupan.





KB boleh ditanggapi dengan meneliti beberapa pendekatan yang ada di dalamnya seperti generik, genetik, tematik dan period. Terdapat lima pendekatan dalam kajian KB iaitu pendekatan yang mengkaji tema atau mitos, mengkaji genre atau bentuk, mengkaji gerakan atau era, mengkaji hubungan kesusasteraan dengan ekspresi seni dan disiplin yang lain yang mengkaji penglibatan kesusasteraan dengan teori dan kritikan sastera (Sohaimi Abdul Aziz, 2001:16).

Pendekatan genetik atau genealogi membuat perbandingan terhadap karya sastera berdasarkan genre dan perbandingan dilakukan antara dua buah novel atau karya-karya untuk melihat persamaan dan perbezaan yang wujud berdasarkan genre. Contohnya, pertalian yang terdapat antara pantun dan *pantoum* yang telah bergerak ke Perancis pada abad ke-19 dan pertalian yang terdapat antara pantun dan *pantoum* menyebabkan ia sesuai dilihat menerusi pendekatan generik dan genetik dalam konteks KB.

Terdapat tiga pola dalam pendekatan genetik iaitu kajian sumber (*source*), kajian pengantara (*transmitter*), dan kajian penerimaan (*receiver*). Selain itu, terdapat juga pendekatan tematik dalam KB. Pendekatan ini bertujuan untuk membandingkan sebuah karya sastera dengan sebuah karya sastera lain berdasarkan subjek atau unsur naratif.





Pendekatan tematik dapat dikelompokkan kepada tiga unsur iaitu linguistik, stilistik dan struktural. Pendekatan ini akan membandingkan sebuah karya dengan karya lain berdasarkan perkara-perkara yang dominan dalam sesebuah karya yang dihasilkan dan antara perkara yang dibandingkan ialah tema, topik, mitos, upacara amal, motif, metafora, plot dan tesis.

Melalui penyelidikan yang akan dijalankan dalam kajian ini, pendekatan yang akan digunakan hanya akan berfokus kepada pendekatan tematik yang terdapat dalam unsur struktural. Oleh yang demikian, perbandingan yang akan dilakukan terhadap dua buah novel pilihan akan mencari persamaan dan perbezaan berkaitan perkara yang akan dibandingkan dalam kajian. Melalui kajian ini, tema tentang wanita menjadi pilihan untuk dikaji dengan menggunakan KB.



Melalui penyelidikan ini, kajian akan dilakukan terhadap dua buah novel pilihan iaitu novel *Hikayat Faridah Hanom* (seterusnya HFH) (1925) karya Syed Syeikh al-Hadi dan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (seterusnya TKVDW) (1937) karya HAMKA secara bandingan. Kajian ini akan memperlihatkan perbandingan watak utama wanitanya yang akan dikaji secara teliti menerusi watak Faridah Hanom dalam novel HFH dan Hayati dalam novel TKVDW. Penjelasan serta huraian lanjut akan diperincikan dalam bab dua.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada watak-watak utama wanita dalam kedua-dua novel kajian yang telah dipilih iaitu watak Faridah Hanom dalam novel HFH serta watak Hayati dalam novel TKVDW. Kedua-dua watak utama wanita ini akan dikaji bagi memperlihatkan persamaan serta perbezaan yang terdapat dalam watak-watak tersebut berdasarkan ketokohan serta kepengarangan oleh Syed Syeikh al-Hadi dan HAMKA. Kedua-dua novel ini menjadi pilihan untuk dikaji kerana kedua-dua novel ini mempunyai tema dan persoalan yang sama iaitu tema emansipasi wanita.

Kedua-dua tokoh penulis novel ini memperlihatkan kedudukan wanita yang berbeza antara satu sama lain. Penulisan kreatif mempunyai peranan penting dalam usaha mempengaruhi daya peningkatan dan daya perkembangan kebolehan mental, intelektual dan kreativiti seseorang individu. Penulisan kreatif dihasilkan dari suatu bentuk pemikiran yang menguji keupayaan seseorang berfikir secara logik, kritikal dan matang dalam membincangkan sesuatu perkara, idea yang berhubung kait dengan manusia, alam sekitar, peristiwa dan kejadian dalam masyarakat.

Novel HFH telah dihasilkan oleh seorang ulama progresif yang berasal dari keturunan Arab iaitu Syed Syeikh al-Hadi. Pengaruh Syed Syeikh al-Hadi disebarluaskan kepada masyarakat tempatan melalui penglibatannya yang sangat berharga bersama anak-anak muridnya seperti Syed Rasyed Redha.





Sumbangan terbesar Syed Syeikh al-Hadi dalam dunia penulisan sastera di Malaysia ialah novelnya yang muncul buat pertama kali pada zaman moden ini. Syed Syeikh al-Hadi merupakan seorang ulama yang telah mengharumkan nama dalam bidang sastera dan membuka era baru dalam bidang sastera Malaysia.

Syed Syeikh al-Hadi mempunyai pengetahuan tentang Islam yang sangat mendalam melalui gerakan dan pembangunan yang kuat. Beliau sentiasa mahukan pengajaran berkaitan Islam semakin berkembang mengikut peredaran zaman dan sesuai dengan masyarakat setempat pada ketika itu. Pemikiran serta dakwah beliau banyak disalurkan melalui media cetak seperti majalah dan buku-buku ilmiah.

Ia jelas dilihat melalui sumbangan yang telah disalurkan kepada masyarakat.



disandang sebagai seorang peguam Mahkamah Syariah Johor Bahru pada tahun 1909. Secara tidak langsung ia telah membantu menyelesaikan beberapa kes berkaitan syariah di mahkamah tersebut.

Antara contoh perkara yang telah diselesaikan oleh Syed Syeikh al-Hadi ialah wanita mempunyai kebebasan untuk memilih pasangan hidupnya, ibu bapa tidak boleh memaksa wanita untuk berkahwin dengan pilihan mereka walaupun hak mutlak diberikan kepada mereka dan kebahagiaan rumah tangga terletak kepada asas pemilihan pasangan hidup. Perkara ini dapat dilihat melalui penghasilan karya-karya novel beliau.

